



“Langkah Kecil ke Arah yang Betul. Transformasi Seumur Hidup.”

RCCA Sumiati Said & Chua Choon Hwee @ Mohd Hadi Bin Abdullah

Bekas Kinesiologis / Pakar Terapi Bunyi Bertauliah

Seumur Hidup Berbakti Kepada Orang Lain

Sebelum mengenal mengenali BE International, Sumiati Said telah pun mendedikasikan hidupnya kepada satu panggilan murni: bidang penyembuhan.

Menetap di Singapura, wanita berusia 66 tahun ini merupakan seorang Kinesiologis yang berpengalaman dan pakar terapi bunyi bertauliah dengan pengalaman hampir tiga dekad. Minat mendalamnya adalah untuk membantu golongan yang paling memerlukan, khususnya kanak-kanak yang menghadapi cabaran pembelajaran dan autisme. Selama 27 tahun, ganjaran harian buat dirinya adalah melihat kanak-kanak ini melakukan kejayaan luar biasa (breakthrough), mengubah kehidupan mereka atas dasar kasih sayang dan dedikasi yang tulus.

Namun, kekerapan mengembara selama berdekad-dekad dan tuntutan fizikal dalam kerjayanya mula memberi kesan buruk kepada tubuh badannya. Beliau mendapati dirinya sentiasa bergelut dengan sakit kaki yang berpanjangan, sakit belakang, serta masalah urat varikos (varicose veins) yang teruk. Beliau adalah seorang penyembuh yang kini memerlukan penyembuhan untuk dirinya sendiri.

Titik perubahan berlaku pada April 2020. Di tengah-tengah ketidakpastian global akibat pandemik, Sumiati memutuskan untuk mencuba AULORA Pants with KODENSHI® bagi melegakan ketidakselesaan fizikalnya.

Beliau sangat gembira kerana hasilnya amat luar biasa. Tertarik dengan keberkesanannya, beliau menambah AULORA Basic Top ke dalam rutin hariannya. Produk ini bukan sahaja mudah alih dan senang dibawa semasa mengembara, malah sebagai seorang pakar terapi holistik, beliau turut membuat penemuan yang hebat: produk tersebut membantu mengawal atur tonus otot dan juga meredakan tekanan emosi dalam kalangan kanak-kanak autisme yang dibimbingnya. Sumiati menyedari bahawa ini bukanlah produk kesejahteraan yang biasa.



Foto kenangan bersama kereta impian yang baru dibeli dan mentor

Pada Mei 2020, beliau secara rasmi melangkah sebagai seorang Duta (Ambassador). Sambil mengimbuai kembali dengan penuh kesyukuran, beliau berkata: “Apabila satu pintu tertutup, Tuhan akan membuka pintu yang lain.”

Dari Rasa Kesyukuran yang Mendalam kepada Tanggungjawab Global

Walaupun pemulihan kesihatan peribadinya menjadi pencetus utama, keajaiban keluarga yang amat besar telah mengubah kepercayaan beliau menjadi sebuah misi yang tidak tergoyahkan. Suami beliau telah didiagnosis dengan myelofibrosis, sejenis gangguan sumsum tulang yang jarang berlaku dan kritikal. Menyaksikan pemulihan luar biasa dan tenaga (vitaliti) baharu suaminya melalui produk BE, hati Sumiati dilimpahi rasa kesyukuran yang amat sangat. Beliau tahu beliau tidak boleh menyimpan rahmat ini untuk dirinya sahaja; beliau perlu berkongsi dengan dunia.

Apabila beliau meneliti dengan lebih mendalam tentang BE International, beliau mendapati dirinya amat tertarik dengan budaya teras BE. Ia bukan sekadar tentang pemasaran rangkaian; tetapi prinsip 3H (Hardworking, Honest, Humble /

Rajin, Jujur, Rendah Diri) para Pengasas, 6 Pilar BE yang kukuh, serta Strategi 1-3-9 yang sangat tersusun telah berjaya memikat hatinya.

Sumiati menerapkan rasa kebertanggungjawaban (ownership) yang mendalam terhadap pasukannya. "Sebaik sahaja orang lain meletakkan kepercayaan yang tinggi untuk menyertai pasukan anda, anda memikul tanggungjawab murni untuk membantu mereka berjaya," tegas beliau. Bagi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan, beliau menubuhkan Mastery Classes mingguan yang sangat teratur. Sesi-sesi ini menjadi asas utama rangkaianannya, mengukuhkan pengetahuan produk, membina kerja berpasukan yang utuh, dan memberikan sokongan praktikal (hands-on) yang konsisten kepada downline beliau.

Mengatasi Rintangan: Keyakinan Mengatasi Ketakutan

Jalan menuju ke puncak RCCA telah menguji daya tahan Sumiati ke tahap yang paling maksimum. Seperti kebanyakan individu daripada generasinya, beliau merupakan seorang yang buta IT (teknologi) sepenuhnya. Apabila tiba-tiba didorong ke dalam era



Menghadiri acara BE bersama pasukan



Menghadiri Konvensyen BE The Legend

di mana perniagaan dibina secara dalam talian (online), beliau terpaksa mempelajari media sosial sepenuhnya dari sifar. Namun, beliau merendahkan diri, mengetepikan latar belakangnya sebagai seorang pakar terapi yang kukuh, dan membenarkan barisan atasan (upline) beliau—GA Suriyani dan Norzehan untuk membimbingnya langkah demi langkah.

Selain itu, Sumiati turut menguasai seni merapatkan jurang generasi. Daripada membiarkan faktor usia menjauhkan dirinya daripada demografi yang lebih muda, beliau belajar untuk membina hubungan yang mendalam dengan Gen Z dengan memanfaatkan jaringan sedia ada dan membina kepercayaan melalui orang dalam generasinya sendiri. Melalui bimbingan (mentoring) yang konsisten, beliau berjaya merapatkan jurang geografi, sekaligus memperluaskan rangkaian aktifnya jauh menjangkau Singapura hingga ke pelosok Malaysia.

Membina Warisan yang Berkekalan

Hari ini, berdiri megah sebagai seorang RCCA pada usia 66 tahun, kehidupan Sumiati telah diubah sepenuhnya oleh BE. Beliau percaya: "Kadang-kadang, langkah terkecil ke arah yang betul akhirnya menjadi langkah terbesar dalam hidup anda." Perniagaan ini bukan sahaja membawa peningkatan kesihatan yang ketara kepada suaminya, yang menguatkan keyakinannya setiap hari, malah ia juga membolehkan beliau menemui versi diri yang lebih baik.

“

Diinspirasi oleh semangat memberi tanpa mementingkan diri daripada para Pengasas, beliau menyedari bahawa kejayaan sebenar hanya diukur dengan berapa banyak kehidupan yang anda bantu tingkatkan. BE memberikan Sumiati kebebasan kewangan untuk memenuhi impian kemanusiaan seumur hidupnya: membuka sebuah sekolah untuk kanak-kanak miskin dan anak yatim di Kemboja. Warisan perniagaannya telah diterjemahkan secara langsung menjadi harapan dunia nyata untuk generasi seterusnya.

Sumiati Said adalah bukti hidup bahawa umur hanyalah sekadar angka, dan masa lalu anda tidak mengehadkan masa depan anda.



Menikmati Trip VVIP BE Lifestyle bersama pasukan